



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

جَانِبَاتُ الْحَوَالِ الْاِكَامَةِ السَّلَامِيَّةِ

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

24 JAMADILAWAL 1445H/ 08 DISEMBER 2023M

MENGINSAFI FITRAH PENUAAN

Disediakan oleh

Bahagian Penyelidikan & Sebaran Am, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Dengan Kerjasama

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.

KHUTBAH TELAH DISEMAK

TARIKH DISEMAK : 6/12/2023

PEGAWAI PENYEMAK : 

AFIQ BIN AJHAR
PEGAWAI PENCERAMAH
BAHAGIAN DAKWAH
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

KHUTBAH RASMI JHEAINS

DILULUSKAN PADA : 7/12/2023

DIBACA PADA : 

DILULUSKAN OLEH : 

ADAM BIN ABDUL HAJ
KETUA PENOLONG PENGARAH
Bahagian Penyelidikan Dan Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah



QR code ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

zKHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :

هُوَ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ تُرَابٍ ثُمَّ مِنْ نُطْفَةٍ ثُمَّ مِنْ عَلَقَةٍ ثُمَّ يُخْرِجُكُمْ طِفْلًا ثُمَّ لِتَبْلُغُوا أَشُدَّكُمْ
ثُمَّ لِيَتَّكُونُوا شُيُوخًا وَمِنْكُمْ مَن يَتَّوَفَّى مِنْ قَبْلٍ وَلِيَتَّكُونُوا أَجْلًا مُّسَمًّى وَلَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ
(الغافر 40:67)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ،
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ،
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، وَتَزَوَّدُوا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَى، فَقَدْ فَازَ
الْمُتَّقُونَ.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Saya berpesan kepada diri saya dan menyeru sidang Jumaat yang dikasihi sekalian, marilah kita meningkatkan keimanan dan ketakwaan ke hadrat Allah SWT, dengan mentaati segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya.

Islam merupakan sebuah agama yang sarat dengan adab, kesantunan, akhlak serta nilai-nilai murni yang mengajar erti belas kasihan dan hormat-menghormati sesama insan. Sejalan dengan nilai-nilai tersebut, keutamaan yang ditekankan dalam Islam adalah mengutamakan mereka yang lebih berusia. Justeru itu, khutbah pada hari ini akan membincangkan tajuk **“MENGINSAFI FITRAH PENUAAN.”**

HADIRIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Hakikat penuaan adalah satu kitaran hidup secara fitrah yang ditentukan oleh Allah SWT, bermula dari janin, bayi, orang muda, dewasa sehingga di usia tua. Firman Allah SWT dalam Surah al-Ghafir seperti pada permulaan khutbah sebentar tadi

هُوَ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ تَرَابٍ ثُمَّ مِنْ نُطْفَةٍ ثُمَّ مِنْ عَلَقَةٍ ثُمَّ يُخْرِجُكُمْ طِفْلًا ثُمَّ لِتَبْلُغُوا أَشُدَّكُمْ ثُمَّ لِتَكُونُوا شُيُوخًا ۗ

Bermaksud: *“Dialah yang menciptakan kamu dari tanah, kemudian dari (setitik) air benih, kemudian dari sebuku darah beku, kemudian dari seketul daging; kemudian Dia mengeluarkan kamu berupa kanak-kanak; kemudian kamu (dipelihara) hingga sampai ke peringkat umur dewasa; kemudian kamu (dipanjangkan umur) hingga sampai menjadi tua*

Fitrah penuaan merujuk kepada proses kitaran kehidupan yang telah disusun oleh Allah SWT ke atas semua makhluk termasuk manusia. Menginsafi hakikat tersebut, kita sebagai umat Islam perlu bersiap sedia menghadapinya seawal bermulanya kehidupan. Allah SWT telah menentukan ajal sejak azali, maka menghadapi ketentuan ini adalah satu kepastian kerana setiap kehidupan itu akan berakhir dengan kematian dan dibangkitkan semula pada hari kiamat, sepertimana petikan Surah al-Mu’minun, ayat 15 - 16:

ثُمَّ إِنَّكُمْ بَعْدَ ذَلِكَ لَمَيِّتُونَ (١٥) ثُمَّ إِنَّكُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ تُبْعَثُونَ (١٦)

Maksudnya: *“Kemudian sesungguhnya kamu sesudah itu akan mati. Kemudian sesungguhnya kamu akan dibangkitkan hidup semula pada hari kiamat.”*

Justeru, kita haruslah prihatin terhadap penuaan serta golongan warga emas dengan memastikan agar proses penuaan seluruh umat manusia

berada dalam keadaan positif dan produktif sehingga mencapai pengakhiran yang terbaik.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Penuaan penduduk adalah isu global, tidak terkecuali negara kita Malaysia. Proses ini berlaku disebabkan peningkatan jangka hayat dan penurunan kadar kesuburan dimana peratusan penduduk warga emas berumur 60 tahun dan ke atas mencecah 15 peratus daripada keseluruhan jumlah penduduk negara. Menurut Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) melihat Malaysia bakal menjadi sebuah “negara tua” menjelang tahun 2030 akibat daripada kadar jangka hayat penduduk negara ini berumur 60 tahun dan ke atas. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan bahawa peratusan penduduk berumur 65 tahun dan lebih (umur tua) meningkat daripada 7.0 peratus pada tahun 2021 kepada 7.3 peratus pada tahun 2022. Berdasarkan takrifan PBB tersebut, Malaysia telah diklasifikasikan sebagai negara menua. Melihat kepada statistik ini, kita harus sedar risiko yang bakal melanda negara sekiranya isu ini tidak ditangani dengan segera. Antara kesukaran warga emas untuk meneruskan kehidupan dari aspek fizikal adalah akses kepada kemudahan awam dan kesihatan yang terhad. Selain itu, fenomena cuaca yang tidak menentu kesan daripada perubahan iklim berpotensi untuk membantutkan hak-hak asasi rakyat jelata.

SIDANG JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH SWT

Kehidupan ini bagaikan membilang waktu-waktu yang berdetik, waktu terus berubah dari hari berganti bulan, bulan berganti tahun, namun kenapa semuanya semakin hambar dan memudar? Adakah kerana usia kita semakin lanjut? Sepatutnya kita harus lebih bersemangat untuk mewarnai kehidupan kita,

terutamanya menjaga hubungan baik dengan Allah SWT dengan melaksanakan setiap perintah-Nya melalui apa yang diajarkan oleh Rasulullah SAW dan menjaga hubungan baik sesama manusia.

Hidup ini sangat singkat untuk kita terus leka dan lalai dengan beralasan tidak mampu serta tidak punya waktu. Allah SWT selalu mengingatkan kita mengenai waktu. Waktu itu kehidupan dan kehidupan manusia itu pula sangat terbatas waktunya.

Ada ketikanya kita terperangkap memikirkan masa depan yang kita sendiri tidak tahu apa bakal terjadi. Pernahkah kita merasa menyesal dan rasa bersalah kerana tidak mendidik diri, keluarga, saudara mara, sahabat atau teman sekerja, juga masyarakat di sekeliling kita untuk menjadi hamba yang taat melaksanakan perintah Allah SWT? Alangkah baiknya andai kita dapat berkumpul di syurga kelak bersama orang-orang tersayang.

SIDANG HADIRIN YANG DIBERKATI ALLAH SWT

Warga emas ketika ini mungkin juga termasuk dikalangan kedua ibubapa kita sendiri. Semakin meningkat usia kita, begitulah juga bertambahnya usia kedua ibubapa. Persoalannya sekarang, adakah hari ini kita berjaya membalas pengorbanan mereka? Atau kita telah lupa pengorbanan tersebut akibat kelalaian atau keegoan kita?

Ingatlah Islam meletakkan keutamaan berkhidmat untuk kedua orang tua kita. Nabi SAW pernah menyatakan orang yang hina adalah orang yang sempat bersama ibubapanya tetapi

kesempatan yang ada itu tidak membolehkan dia untuk dimasukkan ke dalam syurga. Daripada Abu Hurairah R.A, Rasulullah SAW bersabda **yang bermaksud:**

“Kehinaan, kehinaan, kehinaan.” Baginda ditanya: “Siapa (yang engkau maksudkan) wahai Rasulullah?” Rasulullah menjawab: “Siapa sahaja yang mempunyai orang tuanya ketika sudah lanjut usia, salah satu atau keduanya namun tidak (menjadikannya sebab) untuknya memasuki syurga.” [Riwayat Muslim (2551)]

Ketahuiilah bahawa sesungguhnya kasih sayang paling ikhlas tanpa syarat hanyalah kasih sayang ibubapa. Untuk yang masih mempunyai kedua ibubapa apatah lagi yang sudah berusia berbaktilah kepada mereka sehabis baik. Jika keduanya sudah pergi sentiasalah mendoakan kerahmatan dan keampunan ke atas mereka yang juga menjadi tuntutan. Firman Allah SWT dalam surah al-Isra ayat 24:

وَآخِضْ لَهُمَا جَنَاحَ الذُّلِّ مِنَ الرَّحْمَةِ وَقُلْ رَبِّ أَرْحَمُهُمَا كَمَا رَبَّيَانِي صَغِيرًا
(٢٤)

Maksudnya: *“Dan hendaklah engkau merendah diri kepada keduanya kerana belas kasihan dan kasih sayangmu, dan doakanlah (untuk mereka, dengan berkata): “Wahai Tuhanku! Cucurilah rahmat kepada mereka berdua sebagaimana mereka telah mencurahkan kasih sayangnya memelihara dan mendidikku semasa kecil.”*

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Sedarlah hak dan tanggungjawab pemimpin serta peranan masyarakat terhadap golongan warga emas juga perlu dipenuhi. Mereka harus dilindungi dari segala bentuk pengabaian, diskriminasi dan penganiayaan, Rasulullah SAW telah bersabda:

“Pergilah kalian dengan nama Allah, dengan Allah dan agama Rasullulah, jangan kalian membunuh orang tua yang sudah tidak berdaya, anak kecil dan orang perempuan.” (HR Abu Dawud: 2614)

Salah satu pendekatan Maqasid Syariah boleh dijadikan sebagai panduan dalam pengurusan warga emas khususnya kepada pengurus institusi yang mempunyai kaitan langsung dengan pusat penjagaan warga emas. Infrastruktur dan persekitaran yang selesa merupakan elemen penting dalam memenuhi keperluan asasi (daruriyyat) selain keperluan fizikal. Begitu juga keperluan dalam menambah ilmu pengetahuan dan amalan-amalan berkaitan keagamaan yang kesannya akan memberikan kebaikan kepada jasad dan rohani warga emas. Firman Allah SWT dalam satu petikan Surah al-Fatir, ayat 37 yang **bermaksud**: *“Dan mereka menjerit-jerit di dalam neraka itu (sambil merayu): "Wahai Tuhan kami, keluarkanlah kami (dari azab ini); kami akan mengerjakan amal-amal yang soleh, yang lain dari apa yang kami pernah kerjakan. (lalu Allah menampelak mereka): "Bukankah Kami telah melanjutkan umur kamu dan memberikan masa yang cukup untuk berfikir dan beringat padanya oleh sesiapa yang suka berfikir dan beringat?"*

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Menyimpul khutbah hari ini, mimbar sekali lagi berpesan supaya kita renungkan bersama-sama dalam diri kita ketika dan saat ini. Ingatlah usia muda bukan syarat untuk menghalang Malaikat

Izrail datang mencabut nyawa kita dan bukan juga dilanjutkan umur adalah tiket *first class* (kelas utama) untuk masuk ke dalam Syurga Allah SWT. Oleh yang demikian, marilah kita hayati bersama kesimpulan khutbah hari ini:

PERTAMA: Umat Islam perlu bersiap sedia menghadapi penuaan seawal bermulanya kehidupan kerana setiap kehidupan akan berakhir dengan kematian.

KEDUA: Hak asasi golongan warga emas perlu dilindungi daripada sebarang bentuk pengabaian, diskriminasi dan penganiayaan serta tanggungjawab anak kepada ibubapa perlu diambil berat.

KETIGA: Menggunakan pendekatan Maqasid Syariah sebagai rujukan dalam pengurusan institusi berkaitan warga emas.

Firman Allah SWT dalam surah al-Asr ayat 1-3;

وَالْعَصْرِ (١) إِنَّ الْإِنْسَانَ لَفِي خُسْرٍ (٢)
إِلَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَتَوَاصَوْا بِالْحَقِّ وَتَوَاصَوْا بِالصَّبْرِ (٣)

Maksudnya: “Demi Masa!, Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian, Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh, dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan sabar.”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي

هَذَا وَاسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

تک س خطة کدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ،
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرِ عَظِيمٍ،
أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:
إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتُهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا
تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ
حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ ارْضَ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقُرَابَةِ أَجْمَعِينَ وَعَنْ
التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا
أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.
اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصَّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَيْنَا

وَعَلَىٰ مَلِكِنَا كِبَاوَه دُولِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سِرِي قَادُوكْ بَكِينِدَا يَغْ دَفْرَتَوَانِ أَكُوغْ
 وَفَخَامَةِ الرَّئِيسِ الْأَعْلَىٰ تَوَانِ يَغْ تَرَاوَتَامِ يَغْ دَفْرَتَوَانِ نَكْرِي سَابِه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ
 الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُّطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَءُوفٌ الرَّحِيمُ.
 اللَّهُمَّ اذْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا
 بَطَّنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ
 قَدِيرٌ.

Ya Allah, selamatkanlah saudara-saudara kami kaum Muslimin Muslimat yang tertindas di bumi barakah khususnya Palestin, kasihanilah mereka dan limpahkan gugusan Rahmat-mu ke atas mereka. Keluarkan mereka dari kesempitan dan kesulitan serta porak perandakan kepungan musuh yang menindas mereka.

Ya Aziz Ya Jabbar, terimalah yang gugur dari kalangan saudara kami sebagai golongan syuhada yang mulia di sisi-Mu, kurniakan kesembuhan yang jatuh sakit dikalangan mereka, kurniakan keafiatan pada yang cedera.

Ya Allah, sesungguhnya kami meyakini engkau sentiasa Bersama mereka, maka hindarkan mereka daripada mara bahaya musuh yang sentiasa menentang mereka, hukumlah zionis yahudi yang melampaui batas yang melakukan kezaliman terhadap saudara kami tanpa kasihan belas. Musnahkanlah segala kekuatan yang mereka miliki, kerana mereka memang tidak berupaya melawan dan melemahkan kekuatan dan kekuasaan-Mu.

Ya Qawiyy wa Ya Qahhar, Engkau cerai beraikan ikatan antara mereka, porak perandakan kesatuan mereka serta gagalkanlah segala tipu daya serta perancangan jahat mereka khususnya puak zionis yahudi dan konco-konco yang membantu mereka.

Ya Rahman wa Ya Rahim, bantulah kami Umat Nabi Muhammad, Perbaiki serta Rahmatilah Umat Nabi Muhammad, Engkau pimpinlah dan bimbinglah kami ke jalan yang lurus yakni jalan yang engkau redai.

Ya Allah! Naungilah kehidupan kami dengan kesejahteraan, keamanan, dan keselamatan serta kurniakanlah kepada kami rezeki yang halal lagi diberkati. Hiasilah diri kami dengan sifat-sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat-sifat yang terkeji.

Ya Allah, Jadikanlah kami dan daripada keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, berpuasa dalam bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redai. Sesungguhnya hanya kepadaMu jua Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ
يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedar oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA: Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi
Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah
Tel: 088-522127 / jheains.penerbitan@gmail.com